

**Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care Tanam Semangat Kesukarelawan
Bernama
1 Apr, 2014**

MUAR, 1 April (Bernama) -- Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care yang akan dilancarkan Sabtu ini, dilihat dapat menanam semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat, kata Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Datuk Norani Mohd Hashim.

Beliau berkata program itu yang merupakan penjelajahan besar-besaran bermula Sabtu ini di Pagoh di sini dan berakhir 26 April di Batang Lupar Sarawak akan melibatkan 15 lokasi di seluruh negara.

"Seramai 100 orang sukarelawan akan menjelajah di seluruh negara. Kita bawa sukarelawan ini untuk membantu golongan yang memerlukan, sekali gus menyemai sifat kesukarelaan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat persiapan terakhir kembara itu di Bangunan Seri Pekembar, Pagoh, semalam.

Katanya konvoi sukarelawan itu yang turut disertai Kelab Motor Bikers, akan mengunjungi pesakit dan orang kurang upaya di rumah mereka untuk memberikan bantuan dan rawatan.

Program yang turut melibatkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu dijadual dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, katanya.

Katanya mini karnival akan diadakan di setiap lokasi persinggahan yang akan diisi dengan pameran dan perkhidmatan termasuk klinik kaunseling, pemeriksaan kesihatan dan khidmat cari kerja.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026796>